



01 JAN, 2025

Shamsul Azri dilantik Pengerusi ST

Sinar Harian, Malaysia



Shamsul Azri dilantik Pengerusi ST

PUTRAJAYA - Kerajaan bersetuju dengan pelantikan Ketua Setiausaha Negara (KSN), Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar sebagai Pengerusi Suruhanjaya Tenaga (ST) yang baharu berkuat kuasa 1 Januari.

Menurut kenyataan ST memaklumkan, Shamsul Azri, 55, mempunyai pengalaman luas selama lebih 30 tahun dalam perkhidmatan awam selain pernah berkhidmat di pelbagai agensi termasuk Kementerian Kewangan, Jabatan Perkhidmatan Awam, Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS) dan Pentadbiran Kerajaan Negeri.



SHAMSUL AZRI

"ST mengalu-alukan kepimpinan Shamsul Azri membawa agenda ST ke tahap lebih tinggi.

"ST juga mengucapkan terima kasih kepada Datuk Mohamad Razif Abd Mubin atas sumbangan dan khidmat bakti beliau sepanjang tempoh perkhidmatan sebagai Pengerusi Sementara

ST," katanya.

Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Tenaga 2001, ST bertanggungjawab mengawal selia sektor tenaga khususnya industri pembekalan elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia.